



PERBADANAN ASET KERETAPI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

TARIKH: 13 JUN 2025

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:

TAJUK PROJEK	SYARAT KELAYAKAN	HARGA DOKUMEN DAN BON/DEPOSIT TENDER	TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL & MUAT TURUN
NO. TENDER: RAC.K-A/03/25 PENGURUSAN FASILITI SECARA KOMPREHENSIF DAN KERJA – KERJA YANG BERKAITAN UNTUK PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN DI STESEN KERETA API SEGAMAT DAN STESEN KERETA API GENUANG, JOHOR DARUL TAKZIM	Status: Bumiputera Gred: G4 Pengkhususan: F01 - Fasiliti Bangunan Dan Infrastruktur Am <u>Nota:</u> Kebenaran khas tidak dibenarkan untuk pengkhususan bidang kerja yang telah ditetapkan	Harga Dokumen: RM100.00 (Tidak akan dikembalikan) Perbankan Atas Talian ke atas nama Perbadanan Aset Keretapi Bon/Deposit Tender: RM25,000.00 (akan dikembalikan) Draf Bank atas nama Perbadanan Aset Keretapi *Bon/Deposit Tender hendaklah diserahkan semasa mengemukakan tawaran tender dan dimasukkan ke dalam sampul berasingan	<u>Tarikh Jualan Dokumen:</u> 23 Jun 2025 (Isnin) – 30 Jun 2025 (Isnin) <u>Tarikh Muat Turun Dokumen:</u> 25 Jun 2025 (Rabu) – 15 Julai 2025 (Selasa) <u>Catatan:</u> Dokumen akan diberi melalui storan dalam talian (<i>Cloud</i>). Pautan muat turun Dokumen dan kata laluan akan diberikan setelah Petender mengemukakan slip bukti transaksi bayaran.

SESI TAKLIMAT TENDER dan **LAWATAN TAPAK** adalah **DIWAJIBKAN** sepertimana ketetapan berikut:

Tarikh : **23 Jun 2025 (Isnin)**

Masa dan Tempat:

Bil	Masa	Tempat Taklimat
1.	10.00 pagi	Stesen Kereta Api Segamat, Johor
2.	11.00 pagi	Stesen Kereta Api Genuang, Johor

Hanya petender yang telah memenuhi syarat ditetapkan adalah layak untuk menyertai sesi taklimat dan lawatan tapak.

Bagi sesi taklimat dan lawatan tapak, **hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Kontraktor **TIDAK BOLEH** mewakili individu selain daripada penama dalam PPK dan SPKK. Sila bawa bersama Sijil **ASAL** Pendaftaran PPK, SPKK dan **STB** beserta satu **SALINAN** sijil-sijil tersebut dan **cap syarikat**.

Hanya petender yang telah menghadiri Taklimat/ Lawatan Tapak Tender boleh membuat pembayaran secara atas talian dalam tempoh penjualan yang telah ditetapkan. Slip bayaran perlu dikemukakan melalui emel kepada perolehan@rac.gov.my dan disalinkan kepada finance@rac.gov.my sebagai bukti pembayaran.

TARIKH TUTUP TENDER:

16 Julai 2025 (Rabu)

Jam 12:00 tengah hari

Sebarang kelewatan dalam penghantaran dokumen tender tidak akan diterima. **Dokumen Tender** yang telah lengkap diisi dan **Bon/Deposit Tender** hendaklah dimasukkan ke dalam **dua sampul surat berasingan yang berlakri** dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Tender di penjuru kiri sebelah atas setiap sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat :-

Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Aset Keretapi,
Aras 15, IOI City Tower 2,
Lebuhr IRC, IOI Resort City Putrajaya,
62502 Sepang, Selangor.